



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.  
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1992](#) > [January](#) > [25](#) > [Page 7](#) > [Pergadai nyawa demi pertiwi](#)



## Pergadai nyawa demi pertiwi

Berita Harian, 25 January 1992, Page 7

Share    

Save Citation

Microfilm: NL17782



[Previous Article](#)

[Next Article](#)



## Pergadai nyawa demi pertiwi

**D**ALAM saat-saat genting sebelum Bukit Candu jatuh ke tangan tentera Jepun, kata-kata seorang pegawai Melayu telah menyemarakkan semangat anak-anak buahnya sehingga mereka sanggup menggadai nyawa demi mempertahankan negara.

Menurut cerita yang disampaikan kepada Encik Amarullah Saidi, walaupun serangan Jepun sudah tidak dapat dibendung, Leftenan Adnan Saidi enggan menyerah kalah.

Sebaliknya, Allahyarham menyeru dengan melaungkan kata-kata berikut kepada askar-askar yang sedang berjuang dengan gigih itu:

“Jangan mundur. Biar putih tulang, jangan putih mata. Teruskan perjuangan sehingga ke titisan darah yang terakhir.....!”

Walaupun peristiwa itu telah

berlaku hampir setengah abad yang lalu, perjuangan Leftenan Adnan dan anak-anak buahnya dari Unit Rejimen Askar Melayu serta amanat terakhir Allahyarham kepada mereka masih segar dalam ingatan adiknya, Encik Amarullah,

### Recommended Articles

Berita Harian / Article , Illustration

#### Mayat Lt. Adnan dibakar, kata adik

25 January 1992 - Kezaliman tentera Jepun masih segar dalam ingatan Encik Amarullah Saidi. Kisah pahit dalam sejarah Malaya itu memang sukar hendak dilupakan kerana dua orang abangnya menjadi korban akibat serangan tentera Jepun yang ganas. Sehingga kini, pedih luka di hatinya masih terasa dan kemarahannya meluap-luap setiap...

Berita Harian / Article

#### Sudah takdir jodoh tidak berpanjangan

25 January 1992 - SEJAK kecil lagi, Allahyarham Adnan Saidi sudah berkenalan dengan bakal isterinya, Allahyarhamha Saflah Pakih Muda. Mereka tinggal berjiran dan sering bertemu dalam majlis-majlis keramaian di kampung mereka. Jodoh mereka macam sudah ditakdirkan. Mereka kelihatan sepadan. Maka itu tidak hairanlah kalau sanak-saudara dan orang-orang kampung menganggap...

Berita Harian / Article

#### Keluarga turut jadi buruan

9 September 1995 - MESKIPUN Leftenan Adnan Saidi akhirnya gugur di medan pertempuran di Bukit Candu, penyeksaan ke atas Allahyarham tidak berakhir bersama riwayatnya. Sebaliknya, keluarga Allahyarham jadi buruan. Menurut anak sulung Leftenan Adnan, Encik Mokhtar Adnan, keluarganya terpaksa menyerahkan gambar serta pakaian bapanya untuk disimpan saudara dan j i...

Berita Harian / Article , Illustration

#### 'Ibu terus pengsan...'

9 September 1995 - Adik wira Bukit Candu imbas kematian abang tersayang DEBU di Kajang yang berterbangan setiap kali ada kenderaan melintas masih tidak dapat menutup catatan sejarah yang menclubungi kampung kecil itu. Sepetang di Kampung Sungei Ramai, Kajang, terlihat seorang tua duduk termenung meninjau ke jalan raya yang



ningga ke saat ini.

Tetapi apakah faktor-faktor yang mendorong Leftenan Adnan menjadi seorang yang tegas dan sanggup mempertaruhkan nyawa demi mempertahankan negara, tanya saya kepada Encik Amarullah, 64 tahun, ketika kami bertemu di rumahnya baru-baru ini.

Sambil menarik nafas panjang kerana mengenang kembali nasib malang yang menimpa abangnya serta 42 askar Melayu di puncak bukit yang terletak di Pasir Panjang di Singapura itu, Encik Amarullah memulakan ceritanya:

“Saya pernah berkata kepada anak-anaknya, Mokhtar dan Zainuddin... kalau bapak kau



orang yang suka menyerah kepada tentera Jepun... sudah tentu beliau dapat bersama kau sekarang.

“Tapi itu bukan orangnya. Allahyarham sanggup berjuang sampai mati, kalau perlu. ‘Biar putih tulang, jangan putih mata’ — itulah amanatnya...”

Menurut beliau, Leftenan Adnan dilahirkan di Bukit Tinggi, Sumatera Barat, pada 1914. Ayahnya bernama Saidi Sutan Bendahara. Ibunya bernama Raibah Raja Nan Kaya.

Semasa Leftenan Adnan baru berumur setahun, keluarganya berhijrah ke Malaya dan menetap di Bangi, Selangor, selama beberapa tahun sebelum berpindah ke Kampung Sungai Ramal.

Di sana Allahyarham Saidi dan Allahyarham Raibah dikurniakan lagi lima orang anak — seorang perempuan, Fatimah pada 1917; dan empat lelaki, Ahmad pada 1922, Hashim

(1925), Amarullah (1928) dan Dahlan (1932).

“Dari kecil-kecil lagi Leftenan Adnan sudah menunjukkan sikapnya yang tegas. Kalau ada di antara kami yang buat salah, beliau lah yang marah kami. Kalau beliau cakap jangan buat, lebih baiklah ikut saja perintahnya...,” kata Encik Amarullah lagi.

“Kalau nak difikirkan, perwatakan Adnan dan bapak hampir serupa. Kedua-duanya



tidak temerung menjenguk ke jalan raya yang pernah menyaksikan...

Berita Harian / Article , Illustration

## Jasa dihargai nama diabadikan

25 January 1992 - HARIMAU mati meninggalkan belang. manusia mati meninggalkan nama. Pengorbanan Leftenan Adnan Saidi semasa Perang Duma Kedua sememangnya tidak harus dilupakan dan mujurlah namanya telah diabadikan di sekurang-kurangnya dua buah sekolah di Malaysia. Salah sebuah sekolah itu terletak di kampung halamannya di Kampung Sungai Ramai, Kajang. Sebuah...

Berita Harian / Article

## ESOK!

8 September 1995 - BAPA SAYA, LEFTENAN ADNAN Mokhtar Adnan, anak sulung Leftenan Adnan Saidi, wira Bukit Candu, menceritakan kesengsaraan yang dialami keluarganya selepas kematian ayahnya....

Berita Harian / Article , Illustration

## BAPA SAYA, LEFTENAN ADNAN

9 September 1995 - KEHIDUPAN ceria yang dialami dalam zaman kanak-kanaknya hanya seketika. keseronokan sering dibawa bapa berjalan-berjalan juga tidak kekal lama. Dalam sekelip mata kebahagiaan itu hilang, dan menyusulnya adalah satu tragedi yang meragut nyawa satu persatu anggota keluarganya. Akhirnya keluarga besar yang menjadi idamannya berubah menjadi dua beradik...

[Show More](#)

tegas. Berdisiplin dalam apa juga yang mereka lakukan.”

Kini semua adik-beradiknya itu, kecuali Encik Amarullah dan Encik Dahlan, sudah meninggal dunia. Leftenan Adnan gugur pada 1942 di Bukit Candu; Allahyarham Ahmad, dalam 1942 apabila kapalnya tenggelam akibat dibom oleh Jepun; Allahyarhamha Fatimah, dalam 1946 kerana diserang penyakit manakala Allahyarham Hashim pula meninggal pada 1989 ketika

berusia 64 tahun.

Encik Dahlan yang dikatakan mirip wajah Leftenan Adnan kini berusia 60 tahun. Beliau menetap di Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Kedua-dua orang tuanya pula melarikan diri ke Bukit Tinggi pada 1943 kerana diburu oleh tentera Jepun. Mereka terus menetap di sana.

Kembali kepada cerita keluarganya, Encik Amarullah berkata: “Kami semua mula belajar di Sekolah Pekan Kampung Sungai Ramal. Tapi sekolah itu sekarang sudah tak ada. Tinggal anak tangganya dan semak-semak sahaja.”

Setelah Leftenan Adnan lulus Darjah Lima, beliau dicalonkan menjadi guru pelatih. Tetapi minatnya lebih cenderung untuk menjadi askar. Pada 1933, beliau mendaftarkan nama memasuki pasukan percubaan askar Melayu walaupun ditegah oleh ibu bapanya.

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)

[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore  
Last Updated 2023-01-31